

Headline	Matthew McConaughey semakin kurus		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	22 Oct 2012	Color	Black/white
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	144 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 327
Frequency	Daily	PR Value	RM 981



Matthew McConaughey semakin kurus

SUAMI model Camila, Mathew McConaughey kini kelihatan semakin kurus dan tidak terurus sehingga menyebabkannya hampir tidak dikenali. Bukan itu sahaja, keadaan tubuhnya yang tidak bermaya hingga terpaksa berpaut pada ibunya ketika berada di Austin, Texas, Amerika Syarikat baru-baru ini turut membuatkan ramai tertanya-tanya sama ada dia kini sedang bermasalah.

Aktor berusia 42 tahun itu kehilangan berat badan lebih 13 kilogram dan semuanya gara-gara merealisasikan watak filem terbarunya, *The Dallas Buyer's Club*.

Filem itu mengisahkan kisah benar seorang penghidap AIDS di pertengahan 1980-an yang mencari penawar HIV untuk memanjangkan jangka hayatnya.

McConaughey berkata kepada personaliti televisyen, Larry King Julai lepas bahawa dia sepatutnya tidak kelihatan sihat ketika program itu.

Menurut McConaughey, dia sudah kehilangan berat badan sebanyak enam kilogram pada ketika itu dan mengibaratkan dirinya membersihkan rohani dan mental.

Dalam filem terbaru itu, watak yang dilakonkannya tersebut berbeza dengan peranannya sebagai penari bogel dalam filem *Magic Mike* sebelum ini.

Dia bukan sahaja makan lima kali sehari dengan hanya mengambil protein malah melakukan banyak senaman untuk membentuk tubuhnya.